

Selasa, 24 March 2020 | 8:26pm



Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)

COVID-19: Permohonan syarikat untuk teruskan operasi ditutup 11.59 malam ini

Oleh Wartawan BH
bhbiz@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) menetapkan tempoh akhir syarikat menghantar permohonan untuk meneruskan operasi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) adalah 11.59 malam ini.

Penetapan ini adalah untuk memastikan permohonan syarikat yang diterima dapat diproses segera.

Selepas tarikh akhir ini, MITI akan memberi fokus menyaring permohonan yang telah diterima.

MITI dalam kenyataannya berkata, sebuah Jawatankuasa Khas yang akan diketuai Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, disertai Menteri Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ronald Kiandee serta Menteri Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Alexander Nanta Linggi telah ditubuhkan untuk memastikan kelangsungan bekalan produk keperluan asas kepada rakyat.

"Bagi memastikan bekalan keperluan asas ini terjamin, permohonan syarikat meliputi makanan, minuman, ubat-ubatan, peranti perubatan termasuk ventilator, picagari, peralatan perlindungan diri (PPE) iaitu topeng

: muka, sarung tangan perubatan, termometer, kit kecemasan, barangang penjagaan diri seperti sabun pencuci, bahan pembersih diri, syampu dan sanitiser diluluskan," katanya.

Syarikat yang memohon perlu mengikut syarat-syarat yang disenaraikan antaranya adalah diwajibkan untuk menetapkan jumlah pekerja yang bertugas berada di tahap minimum; pengeluaran produk/hasil syarikat memberi keutamaan kepada pasaran tempatan; dan melaksanakan garis panduan dan prosidur pencegahan COVID-19 seperti ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

MITI turut menjelaskan antara punca-punca permohonan-permohonan ditolak adalah kerana syarikat yang memohon bukan dikategorikan di dalam sektor yang penting & kritikal; mengemukakan maklumat yang tidak lengkap atau tidak tepat; dan tidak mengemukakan pengurangan jumlah tenaga kerja ke tahap minimum ataupun sekurang-kurangnya 50 peratus seperti yang ditetapkan kerajaan.

<https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/03/668876/covid-19-permohonan-syarikat-untuk-teruskan-operasi-ditutup-1159>

